

D077

R B126 AAB

MAHATHIR - DASAR

OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN

(EMBARGO: UNTUK DISIARKAN SELEPAS PUKUL 6 PETANG INI)

=====

(I)

KUALA LUMPUR, 28 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGISYTIHARKAN BAHAWA KERAJAANNYA AKAN MENERUSKAN KE TAHUN-TAHUN 1990-AN, PELBAGAI DASAR YANG DIMULAKAN SEBELUM INI KERANA IA BERMANFAAT UNTUK NEGARA DAN RAKYAT.

BELIAU BERKATA SETIAP RAKYAT MALAYSIA BERHASRAT UNTUK HIDUP DALAM KEADAAN YANG LEBIH BAIK DARIPADA HARI INI, UNTUK DIHORMATI, UNTUK BERADA DALAM KEMAKMURAN DAN TINGGAL DALAM NEGARA YANG DITADBIRKAN DENGAN BAIK.

+SAYA TIDAK TAHU TENTANG WAWASAN (VISION). ORANG MEMPERKATAKAN TENTANG WAWASAN SAYA. IA TIDAK LEBIH DARIPADA HASRAT SETIAP RAKYAT MALAYSIA UNTUK MENJADI LEBIH BAIK DARIPADA KEADAAN MEREKA HARI INI, UNTUK DIHORMATI, UNTUK LEBIH SEJAHTERA, UNTUK HIDUP DI NEGARA YANG DITADBIRKAN DENGAN BAIK, UNTUK MENIKMATI KESTABILAN POLITIK... INI HASRAT SETIAP ORANG.+

+SETIAP ORANG BERHASRAT UNTUK MELIHAT SEMUA INI BERLAKU. SAYA HANYA MENGHURAIKANNYA DALAM KATA-KATA, JADI TIDAKLAH ADA WAWASAN DALAM ERTI SEPerti YANG DIKATAKAN ITU,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM WAWANCARA SEMPENA AKHIR TAHUN DENGAN EDITOR-EDITOR KANAN MEDIA TEMPATAN DI PEJABATNYA DI SINI.

SEMASA WAWANCARA DUA JAM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR SECARA BERTERUS TERANG MENJAWAB SOALAN-SOALAN YANG MELIPUTI PELBAGAI TAJUK TERMASUK APA YANG DIKATAKAN PERUBAHAN SIKAP BELIAU SELEPAS MENJALANI PEMBEDAHAN KORONARI PADA AWAL TAHUN INI, PANDANGANNYA MENGENAI IDEOLOGI POLITIK DUNIA YANG AKAN DATANG, NAIK-TURUNNYA PENTADBIRAN BELIAU SEHINGGA INI DAN PENILAIANNYA TERHADAP PRESTASI ANGGOTA KABINET, MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI. -- LAGI.

1451MST 28 12 89

D078

R B127 AAB

MAHATHIR - DASAR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI JUGA BERCAKAP MENGENAI DASAR EKONOMI BARU (DEB), RASUAH, MASA DEPAN AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA), ORANG YANG MUNGKIN MENGGANTIKANNYA DAN PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

TRANSKRIPSI PENUH WAWANCARA ITU DISIARKAN BERASINGAN.

SEMASA WAWANCARA ITU DATUK SERI DR MAHATHIR DIMINTA MEMBUAT PENILAIANNYA SENDIRI TENTANG PENTADBIRANNYA SEHINGGA INI, TERUTAMA MENGENAI HASRATNYA UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA LEBIH DIHORMATI PADA PERINGKAT ANTARABANGSA.

BELIAU BERKATA= +AMAT SUKAR BAGI SAYA MEMBUAT PENILAIAN INI. TETAPI DARIPADA LAPORAN-LAPORAN, SAYA RASA MALAYSIA KINI SUDAH PASTI LEBIH DIKENALI. IA JUGA HASIL DARIPADA PEMILIHAN KITA MENGANGGOTAI MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB), SATU KEJAYAAN YANG KITA PEROLEHI DENGAN SOKONGAN KUAT NEGARA-NEGARA YANG SEBELUM INI TIDAK BEGITU MENGENALI KITA SEPerti NEGARA-NEGARA AMERIKA SELATAN.+

+MAJORITI YANG KITA PEROLEHI MENUNJUKKAN YANG MALAYSIA KINI SUDAH LEBIH DIKENALI. SAYA RASA UNTUK TERPILIH KE DALAM MAJLIS KESELAMATAN ITU PASTILAH MEMERLUKAN PENGHORMATAN NEGARA LUAR KEPADA NEGARA KITA.+

BELIAU BERKATA MEMANDANGKAN HAL ITU, BELIAU TIDAK NAMPAK SEBABNYA MENGAPA KERAJAAN TIDAK HARUS MENERUSKAN PERANAN YANG CERGAS PADA PERINGKAT ANTARABANGSA SUPAYA PENDAPATNYA DITERIMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA DI KALANGAN NEGARA ASEAN, MALAYSIA TELAH MERUPAKAN NEGARA YANG PALING TIDAK TERKENAL. -- LAGI.

1454MST 28 12 89

D079

R B128 AAB
MAHATHIR - DASAR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, SEMUA ORANG MENGENALI THAILAND, INDONESIA, FILIPINA DAN JUGA BRUNEI MANAKALA MALAYSIA KADANG-KALA DISANGKA SEBAGAI SEBUAH NEGARA DI CHINA ATAU AFRIKA.

+MEMANGLAH BAGI KEBANYAKAN ORANG, SAMA ADA IA MALAWI ATAU MALAYSIA, TIDAK ADA SANGAT BEZANYA, OLEH YANG DEMIKIAN DASAR INI AKAN DITERUSKAN,+ TAMBAH BELIAU.

MENGENAI PERKEMBANGAN DALAM NEGERI, PERDANA MENTERI BERKATA, WALAUPUN LEBIH BAIK BAGI ORANG LAIN MEMBUAT PENILAIAN DARI LUAR, HAKIKATNYA IALAH PURATA KEHIDUPAN RAKYAT MALAYSIA HARI INI ADALAH LEBIH BAIK JIKA DIBANDINGKAN DENGAN KEHIDUPAN MEREKA PADA MASA LALU.

PERANGKAPAN MENUNJUKKAN KADAR KEMISKINAN TELAH MENURUN DENGAN BANYAKNYA DAN RAKYAT KINI HIDUP DALAM KEADAAN YANG LEBIH BAIK.

+SEORANG PEMERHATI ASING PERNAH MENYATAKAN KEPADA SAYA BAHAWA RAKYAT MALAYSIA NAMPAKNYA DIBERI MAKAN DENGAN SECUKUPNYA. BANYAK LAGI ULASAN LAIN YANG MENUNJUKKAN BAHAWA KITA TELAH MENCAPAI KADAR PERTUMBUHAN YANG BAIK. KITA TELAH MENCAPAI SEKURANG-KURANGNYA SEBAHAGIAN DARIPADA MATLAMAT YANG HENDAK DICAPAI,+ JELASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, MEMANDANGKAN POTENSI NEGARA INI BEGITU BESAR BELIAU YAKIN BAHAWA KERAJAAN AKAN DAPAT MEMPERCEPATKAN LAGI KADAR PERTUMBUHAN ITU.

KATANYA, BAGAIMANAPUN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU RAKYAT PERLULAH MEMPUNYAI SIKAP YANG BETUL.

ADALAH TIDAK MENCUKUPI BAGI KERAJAAN UNTUK HENDAK MELAKUKAN SESUATU JIKA RAKYATNYA SENDIRI TIDAK BERSIAP SEDIA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT YANG DITETAPKAN, KATANYA. -- LAGI.

1457MST 28 12 89

D080

R B129 AAB
MAHATHIR - DASAR 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENGENAI POPULARITI BELIAU YANG DIKATAKAN KINI SEDANG MENINGKAT SEMULA SETELAH MELALUI TEMPOH KEMEROSOTAN EKORAN PERMULAAN YANG BAIK, DAN BAGAIMANA BELIAU DAPAT MENGHADAPI SEMUA CABARAN ITU, BELIAU BERKATA-

+IA BUKANLAH SOAL PENGURUSAN. IA MERUPAKAN REAKSI BIASA MANA-MANA MASYARAKAT KEPADA PERUBAHAN TERUTAMA APABILA MASYARAKAT BERKENAAN SEBELUM ITU TIDAK MENGHADAPI PERUBAHAN YANG RADIKAL SEKIAN LAMA DAN RAKYAT MERASA SELESA DENGAN KEADAAN ITU.+

+MEMANGLAH, BANYAK HARAPAN YANG MENJULANG APABILA SAYA MENJADI PERDANA MENTERI DAN POPULARITI ITU SEBENARNYA IALAH KERANA HARAPAN ITU.+

+WALAUPUN MEREKA MENJANGKA PERUBAHAN AKAN BERLAKU, MEREKA TIDAK MAHU PERUBAHAN. APABILA KITA MELAKSANAKAN PERUBAHAN, DENGAN SEKELIP MATA MEREKA MENJADI KURANG SENANG. MISALNYA APABILA KITA MENGANJURKAN AGAR RAKYAT MENGALIH PANDANGAN DARI BARAT KE TIMUR... INI SATU PERUBAHAN DAN MEREKA TIDAK MENILAI ATAU MEMIKIRKAN SECARA MENDALAM TENTANG HASIL DARIPADA MEMANDANG KE TIMUR.+

+APABILA ADA PERUBAHAN, ADA PULA KETIDAKTENTUAN, DAN APABILA ADA KETIDAKTENTUAN, MAKA TIMBUL USAHA UNTUK MENGUTUK ORANG YANG MEMBAWA PERUBAHAN ITU.

+TETAPI SETELAH MASA BERLALU, PERUBAHAN YANG DILAKSANAKAN ITU MEMBUAHKAN HASILNYA DAN APABILA SESEORANG ITU MELIHAT HASILNYA, FIKIRANNYA AKAN BERUBAH.+ -- LAGI.

1459MST 28 12 89

0085

R B130 AAB
MAHATHIR - DASAR 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+JADI INI BUKANLAH SOAL POPULAR ATAU TIDAK POPULARNYA SAYA. HAKIKATNYA IALAH MANA-MANA MASYARAKAT APABILA MENGHADAPI SESUATU PERUBAHAN YANG RADIKAL AKAN BERTINDAK DENGAN CARA SERUPA... JADI BAGI SAYA JIKA SAYA DAPAT BERTAHAN, SAYA FIKIR SAYA BOLEH MENJADI POPULAR SEMULA. TETAPI MEMANGLAH JIKA SAYA DIKETEPIKAN KETIKA SAYA TIDAK POPULAR, SAYA TIDAK AKAN DAPAT MELIHAT HASILNYA SAMA SEKALI. POPULARITI TIDAK AKAN KEMBALI LAGI.+

SEMASA DITANYA APAKAH YANG BELIAU ANGGAP SEBAGAI PERISTIWA PALING BAIK DAN YANG PALING BURUK BAGINYA SETAKAT INI, PERDANA MENTERI BERSETUJU BAHAWA CHOGM MERUPAKAN KEMUNCAK KEPADA PENTADBIRANNYA SETAKAT INI MANAKALA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 1987, APABILA KEPIMPINANNYA DALAM PARTI DICABAR OLEH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN KETIKA ITU TENGKU RAZALEIGH HAMZAH, SEBAGAI PERISTIWA PALING BURUK.

+SAYA RASA, SEMASA SUKAN SEA JUGA, KITA MENCAPI KEJAYAAN YANG BAIK DENGAN MEMENANGI TEMPAT KEDUA TETAPI PENGANJURANNYA JUGA BERJALAN DENGAN LANCAR.+

+CHOGM MENCAPI KEJAYAAN KERANA ASPEK PENGANJURANNYA BERJALAN LANCAR. IA MENUNJUKKAN KEMAMPUAN UNTUK MENGANJURKAN SESUATU YANG KITA PUNYAI DI NEGARA INI, JIKA KITA MENUMPUKAN SEPENUH USAHA DAN TENAGA KEPADANYA.+

+SAYA RASA SEMASA CHOGM SETIAP ORANG HENDAK MENUNJUKKAN BAHAWA KITA BOLEH MELAKUKAN SEMUA INI. DAN MEMANGLAH KITA BERNASIB BAIK KERANA CHOGM ITU MENJADI SEJARAH BAGI KOMANWEL.+ KATANYA. -- LAGI.
1514MST 28 12 89

R B131 AAB
MAHATHIR - DASAR 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, SEMASA CHOGM ITULAH PAKISTAN KEMBALI SEMULA KEPANGKUAN KOMANWEL, DAN SETIAUSAHA AGUNG YANG BARU DIPILIH MANAKALA SEORANG SETIAUSAHA AGUNG YANG SANGAT TERKENAL SIR SHRIDATH RAMPHAL MENAMATKAN TEMPOH PERKHIDMATNNYA.

MESYUARAT ITU JUGA TELAH MEMBINCANGKAN TENTANG APARTEID, ALAM SEKITAR YANG MERUPAKAN ISU-ISU PENTING KEPADA DUNIA.

PERDANA MENTERI BERHARAP RAKYAT MALAYSIA AKAN SEKALI LAGI MENGGEMBLENG TENAGA UNTUK MENJADIKAN KEMPEN TAHUN MELAWAT MALAYSIA (TMM) YANG AKAN BELIAU LANCARKAN AHAD INI, SEBAGAI SATU KEJAYAAN BESAR.

MENGENAI PEREBUTAN PUCUK PIMPINAN UMNO PADA 1987, BELIAU BERKATA=

+JIKA ANDA MEMINTA SAYA MENILAI, MAKA SAYA MENGATAKAN BAHAWA PERCUBAAN UNTUK MENUKAR KEPIMPINAN PARTI PADA 1987 MERUPAKANN PERISTIWA YANG PALING MEROSAKKAN.+

BELIAU BERKATA BELIAU TELAH MENYATAKAN HAL ITU SEBELUM PERTANDINGAN ITU BERLAKU KERANA IA TELAH TERPESONG DARIPADA TRADISI UMNO. +SAYA SENTIASA PERCAYA YANG KITA HENDAKLAH MENGEKALKAN TRADISI, BAHAWA KITA TIDAK BOLEH MENCABAR PADA PERINGKAT PALING TINGGI.+

+SUDAH TENTULAH APABILA KITA MENCABAR, IA BERMAKNA PARTI AKAN BERPECAH. AKIBAT DARIPADA CABARAN ITU PARA PENYOKONG CALON YANG KALAH TIDAK BERBAIK-BAIK LAGI DENGAN PENYOKONG CALON YANG MENANG.+

+KALAU SAYA KALAH DALAM PEMILIHAN ITU, SAYA PASTI PARTI MENGHADAPI MASALAH YANG SERUPA, CUMA SAYA TIDAK FIKIR MEREKA AKAN MENYERET PARTI KE MAHKAMAH. TETAPI TIDAK ADA PERPADUAN LAGI DALAM APARTI.+ -- LAGI.

1516MST 28 12 89

R B132 AAB
MAHATHIR - DASAR 7 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI JUGA DITANYA MENGENAI RAMALAN OLEH PERDANA MENTERI SINGAPURA LEE KUAN YEW, BARU-BARU INI BAHAWA DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN KEKAL MEMEGANG JAWATANNYA SELAMA BANYAK TAHUN LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +SAYA AKAN BERADA DI SINI SELAMA MANA RAKYAT MAHUKAN SAYA. DAN INI TERTAKLUK PULA KEPADA KEMAMPUAN SAYA SENDIRI UNTUK BERBAKTI KEPADA MEREKA. SEBAIK-BAIK SAHAJA SAYA RASA SAYA TIDAK LAGI DIKEHENDAKI, SAYA BERSEDIA UNTUK MENGUNDURKAN DIRI. SAYA TIDAK MAHU MEMEGANG JAWATAN INI LEBIH LAMA DARIPADA KEMAMPUAN SAYA UNTUK MENABUR BAKTI.+ -- BERNAMA.

1519MST 28 12 89